

KEDERMAWANAN ISLAM UNTUK KESEJAHTERAAN HIDUP GOLONGAN AUTISTIK

Syahrina Hayati Md Jani^{a*}, Mohamed Saladin Abdul Rasool^a, Siti Mariam Ali^a, Siti Nurul Akma Ahmad^a dan Nurjannah Salleh^a

^a*Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Center for Islamic Philanthropy and Social Finance (CIPSF), syahr520@uitm.edu.my, saladin@uitm.edu.my, smali@uitm.edu.my, sitnu8498@uitm.edu.my, nurjannah_salzin@gmail.com

*Corresponding Author

Article info

Received:
07/02/2023
Received in revised form:
05/03/2023
Accepted:
07/03/2023
Available online:
10/03/2023

Keywords:
Autisme;
Kedermawanan Islam;
Kesejahteraan;
Waqaf;
Zakat.

Abstrak

Kedermawanan Islam semakin diterima oleh masyarakat dan berkembang pesat di Malaysia serta ianya diyakini memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan sektor pendidikan, sosial dan ekonomi negara. Hal demikian dapat dilaksanakan melalui pengurusan dan pentadbiran dana Islam secara sistematis untuk disalurkan kepada golongan yang memerlukan sokongan. Sadaqah, zakat, dan waqaf memberi impak yang besar dan banyak manfaat kepada ummah, dan pembangunan ekonomi yang mampan. Justeru itu, kertas kerja ini bertujuan untuk mengupas peranan kedermawanan Islam dalam meningkatkan kesejahteraan golongan yang menghidap autisme atau autistik. Golongan autistik ini merupakan golongan rentan yang memerlukan sokongan sepanjang hayat mereka. Oleh itu, amalan kedermawanan Islam akan membantu menangani peningkatan kos sara hidup yang perlu ditanggung oleh ibu bapa/penjaga atau waris, dan kos sepanjang hidup untuk kelangsungan diri, keluarga dan masyarakat. Kertas kerja ini melibatkan sumber data sekunder dan primer iaitu kajian teks dan juga kajian lapangan ke atas responden-responden tertentu seperti ibu bapa/penjaga anak autistik, pihak yang berkaitan dengan perundangan, pihak yang menguruskan harta waqaf (Mutawalli) dan zakat (MAIN), dan pihak yang menyediakan kemudahan terapi serta Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) oleh Jabatan Kebajikan dan Masyarakat (JKM). Kajian ini dijangka dapat memberi dan mengukuhkan pemahaman berkenaan kepentingan kedermawanan Islam dalam meningkatkan kesejahteraan hidup golongan autistik secara komprehensif. Ianya juga membantu memberikan kesan yang positif kepada pembangunan pendidikan, sosial, dan ekonomi negara.

ISLAMIC PHILANTHROPY FOR THE WELL-BEING OF AUTISTIC GROUPS

Abstract

Islamic philanthropy is increasingly accepted by the community and is growing rapidly in Malaysia, and it is believed to play an important role in improving the education, social and economic sectors of the country. This can be implemented through the systematic management and administration of Islamic funds to be channelled to community that need support. Sadaqah, zakat, and waqf have a great impact and many benefits to the ummah, and sustainable economic development. Therefore, this paper aims to examine the role of Islamic philanthropy in improving the well-being of people with autism. This autistic group is a vulnerable group that needs support throughout their lives. Therefore, the practice of Islamic philanthropy will help to deal with the increased cost of living that has to be borne by parents/guardians or heirs, and the cost throughout life for the survival of self, family, and community development. This paper involves secondary and primary data sources which are text studies and field studies on certain respondents such as parents/guardians of autistic children, parties related to legislation, parties that manage waqf property (Mutawalli) and zakat (MAIN), and parties that provide therapy facilities and Community Rehabilitation Centres (PPDK) by the Department of Welfare and Society (JKM). This study is expected to be able to provide and strengthen understanding regarding the importance of Islamic philanthropy in improving the well-being of autistic people comprehensively. It also helps to have a positive impact on the educational, social, and economic development of the country.

Keywords: Autism; Islamic Philanthropy; Well-Being; Waqf; Zakat

PENGENALAN

Kedermawanan memainkan peranan penting dalam meningkatkan ekonomi ummah dan merupakan salah satu instrumen bagi membantu golongan yang memerlukan (Noor et al., 2021). Kedermawanan dalam Islam merangkumi elemen kebaikan secara luas iaitu zakat, infaq, sadaqah dan waqaf yang merupakan istilah yang membentuk kedermawanan Islam (Abdurrohman, 2016). Instrumen di dalam kedermawanan Islam ini bertujuan untuk merapatkan jarak sosial dan mengurangkan ketidaksamaan (Azliza et al., 2013). Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai majoriti penduduk yang beragama Islam. Oleh itu, amalan kedermawanan telah menjadi perkara yang lazim dilakukan dalam kalangan masyarakat. Amalan kedermawanan ini telah dinyatakan dalam al-Quran, surah al-Baqarah ayat 261, Allah S.W.T. telah berfirman yang bermaksud:

“Perumpamaan (derma) orang yang membelanjakan harta benda mereka di jalan Allah, adalah sama seperti sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, setiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang Dia mahu dan Allah Maha Luas Kurnia-Nya, lagi Maha Mengetahui” (Al-Baqarah: 261).

Berdasarkan ayat di atas, amalan kedermawanan memberikan kesan yang berlipat kali ganda kepada orang yang memberi dan menerima. Oleh itu, amalan ini perlu diberikan tumpuan dan penekanan kerana pelaksanaannya dapat memberikan kesan yang positif dan membawa kesejahteraan kepada masyarakat. Harta waqaf merupakan salah satu kedermawanan Islam yang perlu dititikberatkan dan dibangunkan untuk kepentingan ummah. Dalam sejarah perkembangan Islam, waqaf memainkan peranan penting untuk memberikan kemudahan kepada masyarakat seperti pengendalian majlis ilmu, kemudahan sekolah, tempat ibadah, hospital, tempat didikan dan asuhan anak-anak, dan menjadi tempat untuk melaksanakan pelbagai aktiviti sosial. Harta waqaf harus dikendalikan secara produktif sehingga ia dapat memberikan faedah dalam meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat yang memerlukan sokongan, dan membantu kerajaan dalam meningkatkan kesejahteraan serta taraf hidup masyarakat.

Selain itu, zakat merupakan suatu kewajipan ke atas umat Islam. Tujuan utama zakat ialah untuk membasi kemiskinan kerana kemiskinan boleh membawa kepada kebencian di antara golongan kaya dan miskin, perilaku yang mendorong kepada kes jenayah, dan juga masalah sosio politik (Sadeq, 1996). Sadaqah pula merupakan amalan kedermawanan sunnah yang amat digalakkan dalam Islam. Ia

dilakukan semata-mata mengharapkan pahala dari Allah S.W.T. dan berperanan sebagai instrumen untuk membebaskan dan membangunkan kesejahteraan ummah.

Objektif kajian ini ialah untuk mencari solusi kepada ketiadaan kedermawanan Islam yang dapat membantu meningkatkan kesejahteraan hidup golongan autistik serta mengupas peranan kedermawanan Islam yang sesuai untuk meningkatkan kesejahteraan hidup golongan autistik di Malaysia. Kajian ini juga bertujuan untuk menghasilkan satu model yang mengintegrasikan semua dana Islam iaitu waqaf, zakat dan sadaqah untuk memastikan kesejahteraan hidup golongan autistik serta kualiti hidup yang lebih terjamin. Kaedahnya ialah melalui harta waqaf yang sedia ada sama ada tanah, dan bangunan atau premis yang dibangunkan dengan dana zakat menjadi pusat sehenti intervensi awal untuk kemaslahatan golongan autistik.

Hasil daripada kajian ini dapat digunakan untuk membangunkan model untuk mewujudkan sebuah pusat sehenti bagi membantu golongan autistik, ibu bapa atau penjaga yang menghadapi masalah kewangan dan kekangan mendapatkan kemudahan rawatan/terapi. Pusat sehenti ini akan menawarkan rawatan/terapi yang meliputi kemudahan-kemudahan seperti kaunseling, klinik, rawatan fisiologi, dan menawarkan tempat penginapan kepada pesakit dan ahli keluarga serta kemudahan-kemudahan lain yang difikirkan sesuai bagi membantu meringankan bebanan ibu bapa/penjaga yang memerlukan sokongan.

Pembangunan ekonomi dan sosial umat Islam akan dapat dipertingkatkan apabila semua dana Islam ini digabungkan dan dibangunkan secara cekap untuk mengurangkan jurang kemiskinan, dan menyediakan infrastuktur kepada golongan yang memerlukan sokongan sepanjang hayat (Ismail et al., 2020) terutama golongan autistik serta memastikan golongan ini dapat berdikari untuk menguruskan diri sendiri serta membangunkan kesihatan diri, keluarga dan masyarakat. Artikel ini membincangkan peranan kedermawanan Islam dalam membangunkan kesejahteraan hidup golongan autistik, kepentingan mengintegrasikan dana Islam serta pelaksanaan integrasi antara waqaf serta dana Islam yang lain dilakukan.

MASALAH KAJIAN

Gangguan spektrum autisme (*autism spectrum disorder*) merupakan suatu gangguan perkembangan pada kanak-kanak yang mana pada peringkat awalnya dikesan berlaku kelewatan dalam perkembangan sosial, komunikasi dan interaksi. Menurut Ilias et al. (2018), bantuan kewangan yang diterima oleh golongan yang menghidap autisme masih belum mencukupi untuk mendapatkan perkhidmatan terapi sama ada di hospital maupun di pusat-pusat perkembangan kanak-kanak yang menawarkan rawatan/terapi yang diperlukan. Ibu bapa atau penjaga perlu menanggung sendiri kos perubatan/rawatan/terapi atau mendapatkan bantuan dari pihak luar selain zakat.

Oleh kerana berlaku ketidakmampuan ini, golongan autistik terutama yang mengalami komorbiditi tidak boleh mendapat perkhidmatan kesihatan yang sempurna sehingga menjelaskan perkembangan mereka. Komorbiditi merupakan kecelaruan-kecelaruan lain yang dialami oleh kanak-kanak autisme. Menurut Dr. Hasnah Toran dalam perkongsiannya di *Facebook Live*, beliau menyatakan bahawa individu yang mengalami autisme mungkin juga mengalami kecelaruan yang lain seperti kurang daya tumpuan (*attention deficit hyperactivity disorder-ADHD*), *dyslexia*, *hyperleksia*, sindrom savant, kekurangupayaan intelektual, isu sensori, sawan, keresahan, dan apraksia.

Golongan autistik memerlukan rawatan/terapi secara berkala untuk membantu meningkatkan potensi mereka terutama kemampuan mengurus diri sendiri. Bagi tujuan membantu golongan autistik ini, aset-aset waqaf yang tidak aktif boleh dibangunkan, antaranya termasuklah Pusat Sehenti Intervensi Awal (*One-Stop Early Intervention Centre*) bagi golongan autistik dan keluarga untuk mendapatkan rawatan/terapi dengan menggunakan dana sama ada yang diperolehi daripada Pusat Zakat (bagi yang layak) dan Institusi Kewangan Islam lain.

Kajian yang dilakukan terhadap harta waqaf mendapati aset ini mempunyai masalah untuk dibangunkan kerana tiada modal atau dana (Rabiatul Hasanah et al., 2017; Abdul Majid & Said, 2014). Manakala

Siti Nadiah et al. (2018) mendapati pembangunan tanah waqaf sebahagian besarnya adalah didominasi oleh pembangunan perkuburan dan masjid. Oleh yang demikian, adalah suatu keperluan untuk mengintegrasikan dana waqaf, zakat dan sadaqah untuk mewujudkan satu Model Kesejahteraan Hidup yang dapat membantu golongan autistik melalui pembangunan mampan harta waqaf menggunakan peruntukan dana daripada zakat, sadaqah serta harta waqaf sendiri.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu mencari solusi kepada ketiadaan kedermawanan Islam yang khusus untuk meningkatkan kesejahteraan hidup golongan autistik serta mengupas peranan kedermawanan Islam yang sesuai untuk meningkatkan kesejahteraan hidup golongan autistik di Malaysia.

Kajian ini juga bertujuan untuk menghasilkan satu model yang mengintegrasikan semua dana Islam iaitu waqaf, zakat dan sadaqah untuk memastikan kesejahteraan hidup golongan autistik serta kualiti hidup yang lebih terjamin. Kaedahnya ialah melalui harta waqaf yang sedia ada sama ada tanah, dan bangunan atau premis yang dibangunkan dengan dana zakat menjadi pusat sehenti intervensi awal untuk kemaslahatan golongan autistik.

Berdasarkan kepada beberapa masalah kewangan dankekangan mendapatkan kemudahan rawatan/terapi yang dialami oleh golongan autistik, maka idea dari kajian ini dapat digunakan untuk membangunkan model untuk mewujudkan sebuah pusat sehenti. Pusat sehenti ini akan menawarkan rawatan/terapi yang meliputi kemudahan-kemudahan seperti kaunseling, klinik, rawatan fisiologi, dan menawarkan tempat penginapan kepada pesakit dan ahli keluarga serta kemudahan-kemudahan lain yang difikirkan sesuai bagi membantu meringankan bebanan ibu bapa/penjaga yang memerlukan sokongan.

Kesan daripada pembangunan pusat sehenti intervensi awal ini ialah ianya dijangka berpotensi menawarkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat yang berkelayakan dan mempunyai pengetahuan dalam bidang yang berkaitan, dan membantu golongan autistik atau ahli keluarga untuk terus mendapatkan rawatan dengan mudah serta kos yang rendah, sekali gus dapat meningkatkan kualiti hidup mereka. Hal ini juga dapat memberi keyakinan kepada para penyumbang waqaf dan pengeluar zakat atas segala sumbangan yang diberikan telah dimanfaatkan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup golongan yang memerlukan sokongan. Oleh yang demikian, pembangunan aset-aset waqaf bagi membangunkan pusat sehenti intervensi awal dengan menggunakan dana-dana Islam yang dinyatakan akan dapat direalisasikan.

Selain itu, tujuan model ini dirangka adalah untuk membantu para pentadbir dana Islam melaksanakan tanggungjawab dan amanah dengan lebih cekap serta sebagai model kesejahteraan hidup untuk masyarakat khususnya golongan yang menghidap autisme. Keutamaan perlu diberikan kepada ibu bapa/penjaga golongan autisme yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan miskin. Mereka merupakan golongan yang memerlukan sokongan kerana hakikatnya setiap penghidap autistik memerlukan sokongan daripada orang lain sepanjang hayat mereka. Dengan adanya kedermawanan Islam ini, sebaiknya dapat membantu golongan autistik dalam mengecapi kesejahteraan dalam semua aspek kehidupan melalui usaha menyeluruh semua pihak termasuk kerajaan, agensi bukan kerajaan, dan agensi Islam seperti pusat zakat dan waqaf.

Hasil kajian turut membantu meyakinkan rakyat untuk berwaqaf sekali gus membantu kerajaan mengurangkan beban kewangan, meningkatkan ekonomi negara, dan membantu rakyat yang memerlukan sokongan dan bantuan. Perkara ini selaras dengan aspirasi kerajaan dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) yang pertama, ke-3, ke-10 dan ke-17 yang mana membasi kemiskinan tegar, memastikan kesejahteraan hidup untuk semua golongan tanpa mengira usia, mengurangkan ketidaksamaan, dan perkongsian untuk mencapai matlamat kemampunan ekonomi.

KAJIAN LITERATUR

Konsep kedermawanan merupakan suatu bantuan yang diberikan atas dasar perikemanusiaan dan perasaan kasih sayang sesama manusia yang boleh diberikan dalam bentuk derma atau sumbangan yang dikenali sebagai zakat, infaq, sadaqah, hadiah, waqaf, dan sebagainya (Mustafar et al., 2022). Dalam perkembangan sejarah Islam, kegiatan kedermawanan ini dilaksanakan melalui agensi-agensi yang mengendalikan sumber yang diperolehi daripada aktiviti kedermawanan.

Di Malaysia, pelaksanaan aktiviti kedermawanan semakin rancak dan berkembang dengan baik di bawah pengawasan dan pengendalian Majlis Agama Islam di setiap negeri, dan Jabatan Waqaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Manakala, Quwait mempunyai agensi yang dikenali sebagai Zakat House (Darul Zakah) yang mengurus dan mengendalikan aktiviti berkaitan zakat, infaq dan sadaqah. Indonesia pula mempunyai agensi yang dinamakan Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) yang merupakan satu-satunya agensi yang mengendalikan aktiviti kedermawanan Islam di Indonesia. Agensi ini ditubuhkan oleh kerajaan Indonesia yang berperanan menyalurkan zakat, infaq dan sadaqah (ZIS) di negara tersebut.

Fungsi kedermawanan Islam perlu diperluaskan lagi kepada golongan autistik yang termasuk dalam golongan orang kurang upaya (OKU). Ini kerana Islam tidak pernah memandang rendah terhadap isu dan cabaran yang dihadapi oleh golongan OKU, malahan sentiasa memberi galakkan kepada umat Islam untuk cakna dan mengambil berat permasalahan golongan ini selaras dengan tanggungjawab dan hak OKU.

Kedermawanan Dalam Islam

Kedermawanan Islam merupakan suatu amalan pemberian sumbangan secara sukarela, penyediaan perkhidmatan secara sukarela dan badan/institusi yang memberikan sumbangan atau perkhidmatan secara sukarela (Faozan, 2017). Sarjana barat berpandangan bahawa kedermawanan merupakan amalan sukarela sama ada melalui individu, persatuan ataupun badan bukan kerajaan yang dilaksanakan demi kebaikan umum yang menumpukan kepada peningkatan kualiti dan kesejahteraan hidup (Mustafar et al., 2022). Secara konsepnya terdapat beberapa instrumen kedermawanan Islam yang wujud seperti zakat, wakaf, dan sadaqah.

Zakat berasal daripada perkataan zaka yang bererti baik, berkah, suci, tumbuh dan berkembang (Budiman, 2018). Menurut istilah, zakat ialah sejumlah harta tertentu yang telah mencapai syarat tertentu yang diwajibkan oleh Allah untuk dikeluarkan dan diberikan kepada yang berhak menerimanya dengan syarat-syarat tertentu. Zakat juga merupakan komponen yang terpenting dalam ekonomi khususnya bagi sistem sosioekonomi umat Islam di negara Malaysia selain sistem cukai yang sedia ada (Nasir et al., 2021).

Islam menyediakan jaringan sistem pertahanan sosial yang berdasarkan zakat (Al-Qardawi, 1980). Kewajipan pembayaran, perbelanjaan yang spesifik, dan meluas serta peranan kerajaan dalam pengurusan zakat menunjukkan ia adalah perlindungan sosial yang unik. Zakat merupakan institusi yang berperanan penting dalam menjamin keadilan sosial dalam masyarakat, dan membantu manusia dalam mencapai tujuan utama mereka diciptakan oleh Allah S.W.T (Wahid et al., 2012). Oleh itu, zakat adalah penyelesaian terbaik bagi menjaga kemaslahatan ekonomi umat Islam kerana ianya telah termaktub dalam lima rukun Islam yang wajib diimani serta dipatuhi. Di dalam Al-Quran, Surat At-Taubah Ayat 103:4, yang bermaksud:

“Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka. Dengan zakat itu, kamu membersihkan diri dan menyucikan harta mereka dan berdoalah untuk mereka. Dengan zakat itu, kamu membersihkan dan mensucikan mereka. Sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman jiwa bagi mereka dan Allah itu Maha Mendengar dan Maha Mengetahui” (At-Taubah: 103).

Berdasarkan ayat di atas, dinyatakan dengan jelas bahawa zakat yang dikeluarkan oleh para muzakki akan dapat membersihkan dan mensucikan hati manusia yang menunaikan zakat sehingga mereka tidak lagi mempunyai sifat yang tercela terhadap harta seperti tamak dan kikir. Ini kerana orang yang tamak

akan selalu merasa tidak cukup, tidak pandai bersyukur, menimbulkan rasa dengki dan permusuhan, dan menjauhkan seseorang dari Allah S.W.T.

Kedermawanan Islam yang seterusnya ialah waqaf. Waqaf bermaksud menghentikan, menyimpan, atau memelihara. Dalam istilah Islam, waqaf merujuk kepada pemberiankekayaan seseorang secara sukarela dan tidak dapat ditarik balik yang berupa tanah, rumah atau kebun, wang tunai, dan penggunaannya untuk projek yang mematuhi syariah seperti masjid atau sekolah agama. Waqaf hanya membenarkan harta benda yang tidak musnah atau hancur kerana faedah daripada harta itu mesti kekal hingga akhir. Waqaf juga menyediakan sesuatu yang memberikan manfaat kepada ramai orang dan tidak dimaksudkan untuk orang tertentu sahaja.

Menurut istilah syarak, waqaf bermaksud menahan sesuatu harta seseorang untuk dimanfaatkan oleh orang lain. Harta waqaf ini hendaklah berada dalam keadaan yang baik, kekal dan tujuan ia melakukan waqaf adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T dan memberikan kebajikan kepada orang lain. Terdapat dua bentuk kategori harta yang boleh diwaqafkan iaitu harta tak alih ('aqar atau *immovables*) dan harta alih (*manqul* atau *moveables*) (Mohamad et al., 2020).

Menurut Iman et al. (2014), tiga prinsip asas kepada amalan dan perwujudan waqaf yang sah dari segi hukum adalah muktamad (*irrevocability*), kekekalan (*pertuity*) dan tidak boleh dipinda milik (*inaliability*). Muktamad bermakna pewaqaf tidak ada kuasa untuk membatalkan harta-harta yang telah diwaqafkan. Kekekalan pula adalah harta yang ingin diwaqafkan hendaklah bersifat kekal dan tahan lama, tidak mudah rosak dan tidak cepat habis seperti tanah dan rumah. Manakala tidak boleh dipinda milik bermaksud keadaan yang mana waqaf itu tidak boleh dipindah milik (Mohamad et. al, 2020).

Sabda Rasulullah S.A.W melalui sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A yang bermaksud:

“Apabila mati anak Adam, maka terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara: sadaqah jariyah (waqaf), ilmu yang bermanfaat dan doa dari anak yang soleh”.

Waqaf mempunyai potensi untuk mengurangkan jurang sosial, dan dapat meningkatkan kualiti hidup. Selain itu, waqaf juga berperanan dalam perkhidmatan kesihatan, membasmi kemiskinan, pendidikan dan lain-lain lagi (Ismail et al., 2020). Jelas bahawa waqaf telah menyumbang kepada pembangunan dan pengukuhan masyarakat Islam dari segi ekonomi, sosial dan pendidikan. Biasanya, aset waqaf digunakan untuk tujuan sosial dan ekonomi, malahan salah satu manfaat waqaf yang popular ialah membiayai pusat yang menawarkan perkhidmatan kesihatan.

Hasil waqaf dapat digunakan untuk menyediakan fasiliti kesihatan dan pendidikan, air yang bersih, kemudahan yang dapat digunakan oleh orang awam, meningkatkan kesejahteraan ekonomi, dan mengurangkan jurang ekonomi. Berhubung dengan amalan waqaf dalam memastikan kesejahteraan golongan autistik, waqaf mempunyai pelbagai kaedah untuk mencapai tujuan ini. Waqaf asset seperti bangunan atau tanah yang diperoleh daripada individu yang memberi waqaf boleh dimanfaatkan sebagai kemudahan untuk tujuan terapi dan pendidikan kepada golongan autistik. Oleh itu, pengusaha pusat ini dapat menggunakan kemudahan tersebut secara percuma dan tiada bayaran sewa dikenakan kepada pengusaha tersebut. Secara tidak langsung, pengusaha dapat mengurangkan caj kepada ibu bapa/penjaga serta mengurangkan perbelanjaan ibu bapa/penjaga untuk membayar yuran yang dikenakan oleh pengusaha untuk mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan. Ia sekali gus dapat membantu meringankan tanggungan kewangan ibu bapa/penjaga dalam memastikan golongan autistik mendapat rawatan/terapi secara konsisten selagi ianya diperlukan.

Secara keseluruhannya, institusi waqaf yang subur berkembang dalam dunia Islam telah memastikan umatnya mendapat perlindungan yang sempurna, makanan yang berkhasiat, pendidikan yang berkualiti, dan kemudahan kesihatan tanpa bayaran. Perkara ini merupakan keperluan asas yang diperlukan untuk pembangunan insan. Tanpa peluang dan pilihan ini, peluang dan pilihan yang lain tidak akan diperoleh yang mengakibatkan kemiskinan akan terus melerat, dan menjadi barah yang sukar disembuhkan. Menerusi waqaf masalah kemiskinan dapat diatasi seperti yang disebutkan oleh Yediyildiz (1996b):

“Institusi waqaf menyediakan banyak perkhidmatan sosial yang mirip kepada perkhidmatan awam menurut pandangan masyarakat moden hari ini. Malah, pembinaan infrastruktur seperti jalan raya, jambatan dan sistem pengaliran; perkhidmatan kemasyarakatan seperti pembinaan hospital dan menjaga kebijakan orang miskin dan golongan yang memerlukan bantuan; perkhidmatan pendidikan dan budaya seperti pembukaan sekolah, perpustakaan dan universiti, menyediakan geran kepada pelajar dan membiayai gaji para pendidik, perkhidmatan keagamaan seperti pembinaan masjid dan membayar gaji mereka yang menguruskannya yang semuanya dilaksanakan melalui institusi waqaf.” (Yediyildiz, 1996b: 21).

Kedermawanan Islam yang seterusnya ialah sadaqah. Sadaqah merupakan salah satu instrumen kewangan Islam yang fleksibel dan berbentuk sukarela. Dari sudut bahasa, sadaqah bermaksud benar, lurus dan perkara yang diberikan kepada orang lain kerana Allah. Manakala dari sudut syarak, sadaqah bermaksud suatu pemberian yang diberikan oleh seorang muslim kepada orang lain secara sukarela tanpa dibatasi oleh waktu dan jumlah (haul dan nisab) tertentu sebagai kebijakan yang mengharapkan pahala dan redha Allah S.W.T. (Ismail et al., 2020). Bentuk sadaqah sesungguhnya tidak dibatasi pemberian dalam bentuk wang dan benda, malah juga meliputi sejumlah amal kebaikan yang dilakukan oleh seorang muslim: Diriwayatkan dari Hudzaifah R.A., dari Nabi S.A.W.: Beliau bersabda: “Semua kebaikan itu adalah sadaqah.” (HR Muslim).

Ismail et al. (2020), menyatakan sebaik-baik sadaqah adalah diambil dari lebihan keperluannya dan tanggungannya, dan berdosa jika seseorang itu bersadaqah dengan mengurangkan nafkah tanggungannya. Sunat bersadaqah dengan disertai rasa ikhlas dan gembira kerana akan mendapat pahala yang banyak dan ia merupakan satu ibadah. Menurut Noorfazreen et al. (2017), sadaqah ini boleh menjadi lambang perpaduan dan ikatan hati antara pelbagai lapisan masyarakat. Selain itu, sifat kedermawanan dapat dipupuk dalam kalangan golongan kaya melalui pelaksanaan tanggungjawab yang ditetapkan. Amalan ini perlu diterapkan dalam diri individu para peringkat awal agar dapat melahirkan generasi yang bersifat dermawan dan suka membantu golongan yang memerlukan.

Sadaqah sangat diperlukan untuk membantu golongan yang memerlukan terutamanya golongan autistik yang memerlukan sokongan sepanjang hayat mereka. Lebih-lebih lagi sewaktu era di mana pembiayaan atau bantuan kerajaan amat terhad. Seiring dengan matlamat negara untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat, maka adalah penting menumpukan kepada pembangunan dan mengembangkan peranan sedekah atau kedermawanan Islam untuk memenuhi kemaslahatan golongan autistik.

Model kesejahteraan hidup golongan autistik melalui kedermawanan Islam dapat mencakupi beberapa elemen yang penting termasuklah:

1. Pemberian sadaqah: Sadaqah dapat digunakan untuk memberikan bantuan kewangan bagi golongan autistik dan keluarga mereka. Hal ini dapat membantu mereka dalam memenuhi keperluan harian termasuk pembiayaan perubatan, terapi dan keperluan yang sewajarnya.
2. Peningkatan kesedaran dan pemahaman: Sadaqah dapat digunakan untuk menyokong organisasi atau badan amal yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran masyarakat tentang autisme. Hal ini dapat membantu mengurangi stigma masyarakat dan meningkatkan sokongan serta penerimaan masyarakat terhadap individu yang menghidap autisme.
3. Pendidikan dan latihan: Sadaqah juga dapat digunakan untuk menyokong serta menggerakkan program pendidikan dan latihan bagi golongan autistik. Hal ini dapat membantu mereka memperoleh keterampilan yang diperlukan untuk hidup berdikari dan meningkatkan kualiti hidup mereka.
4. Penelitian: Sadaqah dapat digunakan untuk membantu aspek penelitian dan pemahaman tentang autisme. Hal ini dapat membantu meningkatkan pemahaman tentang penyebab dan rawatan autisme, serta membuka jalan bagi rawatan atau terapi yang lebih efektif dan kemudahan yang lebih baik untuk golongan autistik.

Dalam model kesejahteraan kesihatan golongan autistik melalui kedermawanan Islam, penjanaan dana dan pemberian sadaqah sangat penting untuk memperbaiki kualiti hidup golongan autistik dan keluarga

mereka. Selain itu, sokongan daripada masyarakat dan peningkatan pemahaman tentang autisme juga merupakan elemen penting dari model ini, yang dapat membantu meningkatkan kualiti hidup individu dengan autisme melalui sokongan sosial yang lingkungan spektrum yang lebih besar dan akses perkhidmatan dan sumber daya yang lebih baik.

KAEDAH KAJIAN

Satu kajian berbentuk kualitatif yang merujuk sumber sekunder dan primer adalah dicadangkan untuk membangunkan model ini:

a) Data Sekunder dari Kajian Teks

Kaedah ini melibatkan kajian perpustakaan atau dokumentasi untuk mendapatkan maklumat berkenaan tafsiran zakat, sadaqah, harta waqaf, menurut pandangan para fuqaha dan tafsiran kontemporari. Melalui kajian teks juga, penulis akan mengenal pasti cadangan model yang disediakan kepada golongan menghidap autisme. Kaedah ini bukan sahaja tertumpu kepada buku semata-mata, tetapi juga melalui rujukan Akta, Enakmen, jurnal, laporan tahunan, majalah dan akhbar.

b) Data Primer dari Kajian Lapangan

Data primer dikumpul menerusi kerja lapangan yang melibatkan kaedah temubual semi struktur ke atas kumpulan fokus iaitu ke atas ibu bapa/penjaga kepada golongan autistik, pihak yang berkaitan dengan perundangan dan pihak yang menguruskan harta waqaf (Mutawalli) serta pihak yang menyediakan kemudahan rawatan/terapi seperti Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang menguruskan pusat pemulihan yang terdapat di sekitar Melaka untuk peringkat awal. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dan turut menumpukan kepada proses pengumpulan data yang berbentuk fakta kes dan amalan sebagai kumpulan maklumat yang akan dianalisis bagi mencapai objektif yang digariskan. Melalui kaedah ini, beberapa responden yang terlibat secara langsung dengan urusan pengagihan zakat, pengurusan PPDK serta pusat perkembangan kanak-kanak sektor swasta ditemuramah untuk melihat secara lebih dekat lagi mengenai realiti yang berlaku dalam sistem pengagihan zakat dan pengurusan waqaf serta pengurusan PPDK dalam menjamin kesejahteraan ummah.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Model Kesejahteraan Golongan Autistik Melalui Kedermawanan Islam

Kesejahteraan adalah elemen penting dalam kehidupan manusia yang membawa kepada kebahagiaan dalaman dan luaran. Kebahagiaan dalaman merujuk kepada ketenangan dan perasaan bahagia. Kebahagiaan luaran merujuk kepada keadaan fizikal seperti kesihatan, tahap pendidikan dan fikiran yang cerdas. Badan Kesihatan Sedunia (WHO) mendefinisikan kesihatan sebagai satu tahap atau keadaan dimana seseorang individu itu mempunyai kesejahteraan yang sempurna dari segi fizikal, mental dan sosial, dan bukan hanya bebas dari penyakit atau tidak berkemampuan (WHO Report, 2022).

Keluarga yang sihat merupakan tunggak utama dalam melahirkan individu dan golongan yang sejahtera. Kesejahteraan individu secara psikologi, mental dan fizikal boleh membantu membina golongan yang makmur dari segi sosial, ekonomi dan kesejahteraan ekologi manusia. Menurut perspektif Islam, setiap individu bertanggungjawab di atas kesihatan diri masing-masing dan akan menanggung risikonya jika tidak mengamalkan kehidupan yang sihat (Amran et al., 2012).

Dengan adanya manfaat daripada dana Islam, ia juga membantu rakyat yang tidak berkemampuan khususnya ibu bapa/penjaga golongan autistik untuk menikmati kemudahan-kemudahan rawatan/terapi yang diwujudkan tanpa sebarang bebanan kewangan. Dengan kejayaan pelaksanaan aktiviti kedermawanan ini, ianya membolehkan ekonomi negara untuk terus meningkat dengan lebih baik, dan

membolehkan rakyat untuk menikmati kemudahan secara seimbang dan berterusan. Ia turut membantu negara merapatkan jurang miskin dan kaya serta membasmi kemiskinan.



Rajah 1: Kerangka Konseptual

Satu inovasi untuk model kesejahteraan hidup melalui kedermawanan Islam (waqaf, zakat dan sadaqah) akan diwujudkan. Seterusnya, satu kerangka pembangunan model kesejahteraan hidup golongan autistik melalui dana Islam yang lebih komprehensif, seragam dan khusus akan dicadangkan melalui kajian yang dijalankan dengan rujukan dan analisa maklumat dari kajian lapangan para penyelidik dan pasukan sendiri.

Hasil kajian model kesejahteraan hidup golongan autistik yang bakal dibangunkan ini dijangka akan dapat membuka peluang-peluang untuk mendapatkan rawatan/terapi bagi golongan autistik yang akan memberi kesan positif kepada perkembangan dan potensi mereka. Selain itu, ia juga dapat menjana ekonomi negara dalam membantu kerajaan di dalam mengurangkan beban kewangan kepada pelbagai sektor seperti institusi pendidikan, hospital dan keperluan prasarana masyarakat.

Oleh yang demikian, dengan memaksimumkan sumber kedermawanan Islam, ia mampu memastikan umat Islam terutamanya golongan autistik dan ibu bapa/penjaga dapat mencapai kesejahteraan yang meliputi aspek kesihatan dan kesejahteraan hidup. Secara keseluruhan, kesejahteraan hidup golongan autistik akan dapat dicapai sekiranya sumber-sumber dana Islam (zakat, waqaf, sadaqah) ini dapat dijadikan sebagai sumber yang dapat membangunkan kesejahteraan golongan autistik dan sekali gus dapat meningkatkan taraf hidup mereka serta ibu bapa/penjaga.

KESIMPULAN

Kesejahteraan hidup golongan autistik dapat ditingkatkan melalui pengurusan dana Islam secara profesional dan cekap yang akan membantu meningkatkan tahap hidup masyarakat terutama golongan autistik dan ahli keluarga mereka, nilai tambah (*added value*) kesejahteraan hidup masyarakat dan melahirkan masyarakat yang dapat membantu ke arah kemajuan negara selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) yang pertama, ke-3, ke-10 dan ke-17 yang mana membasmi kemiskinan tegar, memastikan kesejahteraan hidup untuk semua golongan tanpa mengira usia, mengurangkan ketidaksamarataan, dan perkongsian untuk mencapai matlamat kemampunan ekonomi.

Maklumat kajian ini akan digunakan bagi tujuan penyelidikan yang seterusnya iaitu bagi mengaplikasikan model kesejahteraan hidup khususnya kepada golongan orang kurang kupaya (OKU)

kepada pihak yang mengurus dan mentadbir waqaf dan zakat di Malaysia seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Waqaf, Zakat Hajji (JAWHAR), Yayasan Waqaf Malaysia, Baitulmal Negeri, dan pentadbir individu atau nazir yang dilantik MAIN serta pengurusan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Teknologi MARA Malaysia kerana menyediakan dana geran untuk kajian ini. No rujukan geran: 600-IRMI/FRGS 5/3 (117/2021) dan No. Rujukan Geran (KPT): FRGS/1/2021/SS01/UITM/03/5.

RUJUKAN

- Abdurrohman, K. (2016). Filantropi Islam Untuk Pemberdayaan Ekonomi Umat (Model Pemberdayaan ZISWAF di BMT Se-Kabupaten Demak). *Iqtishadia*, Vol. 9, No. 2. 228-245.
- Al-Qardhawi, Y. (1980). *Fiqh Al-Zakat*. Translated by M. Kafh. King Abdul Aziz University, Jeddah, Saudi Arabia: Scientific Publishing Centre.
- Amran, H. Fatimah, Y., & Khadijah, A. (2012). Keluarga sihat melahirkan komuniti sejahtera: Satu ulasan. *GEOGRAFIA Online TM Malaysia Journal of Society and Space* 8 issue 5 (51 - 63).
- Azliza A. M. Z., Rose Ruziana, A. S., & Zurina, S. (2013). Venture Pilantropy Waqf model: A Conceptual Study. *Model Waqaf Usaha Kedermarwanan: Satu Konseptual*. *Jurnal Pengurusan*. 38, 119-125.
- Budiman, A. (2018). Efektivitas pengelolaan dana zakat pada Program Pendidikan Rumah Gemilang Indonesia Lembaga Amil Zakat Nasional Al-Azhar (Bachelor's thesis, Fakultas Ilmu Dakwah dan Ilmu Komunikasi Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta).
- Faozan, A. (2017). Implementasi Filantropi Islam di Indonesia. *JAI Urban*, Vol. 1, No. 1, Juni, 1-14. <http://www.un.org/sustainabledevelopment/sustainable-development-goals/>: Laporan UN Sustainable Development Goals: 17 Goals to Transform Our World (2015).
- Ilias, K., Cornish, K., Kummar, A. S., Park, M. S., & Golden, K. J. (2018). Parenting Stress and Resilience in Parents of Children with Autism Spectrum Disorder (ASD) in Southeast Asia: A Systematic Review. *Frontiers in psychology*, 9, 280. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2018.00280>
- Iman, A. M., & Mohamad, M. T. S. (2014). *Waqf Property: Concept, Management, Development and Financing*. Penerbit UTM Press.
- Ismail, M., Rasool, A., Saladin, M., Rabu, N., Abd Malib, M., & Shariff, S. (2020). Kesejahteraan kesihatan rakyat melalui filantrofi Islam (the wellbeing of people health's through Islamic philanthropy). *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 2(1), 11-22.
- Mustafar, M. Z., Aziz, M. K. N. M., Fadzil, M. F. M., & Noor, M. M. (2022). Pengaruh Pendapatan Terhadap Penglibatan Muslim Dalam Filantropi Ketika Kesukaran Pandemik COVID-19: Income Factors in Influencing Muslim Philanthropic Behavior During the COVID-19 Pandemic. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 9(1), 147-158.
- Manual Pengurusan Agihan Zakat (2007). Jabatan Waqaf, Zakat dan Haji.
- Mohamad, M. R., Yusof, Z. M., & Nordin, N. (2020). Perkembangan Kajian Tentang Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia: Satu Sorotan Literatur [Development of Study About Developmental Landscape in Malaysia: A Literature Highlights]. *Al-Qiyam International Social Science and Humanities Journal*, 3(2), 12-21.
- Noor, M. M., Sharipp, M. T. M., Mustafar, M. Z., Fadzil, M. F. M., Suyurno, S. S., & Abd Aziz, M. K. N. (2021). Korelasi Antara Gelagat Filantrofi Dengan Tahap Kedermawanan Muslim Semasa Pandemik COVID-19. *Journal of Business Innovation*, 6(1), 70.

- Nasir, S. Z., Wahid, H., & Mohd Noor, M. A. (2021). Pembayaran Zakat Pendapatan Melebihi Kadar Kewajipan Zakat: Kajian dalam Kalangan Kakitangan Kerajaan di Malaysia. *Islamiyat: International Journal of Islamic Studies*, 43(1).
- Noorfazreen, M. A., Sara Dina, M. A., & Mariam Farhana M. N. (2017). Contemporary Issues and Development in Islamic Social Finance. 71-82.
- Rabiatul Hasanah, M., Nazifah, Mustaffha., Latifa Bibi, M.H., & Norhanizah, J. (2017). Pengurusan Waqaf di Malaysia: Isu dan Cabaran. Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah. 43-51.
- Sadeq, A. (1996). Ethic Economic Institution of Zakat: An Instrument of Self-reliance and Sustainable Grassroot Development. *Humanomics*, 12(2), 47-69.
- Siti Nadiah, M. A., Salbiah, M., Abdul Halim, M. N., Noraini, J., Nor Aini, Salleh., & Nurul Sahida, Fauzi. (2018). A Conceptual Framework in Synergizing Waqf Real Estate and Zakat through Strategic Integration for Malaysian Asnaf. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*. 8, 815-828. Doi: 10.6007/IJARBSS/v8-i1/3889.
- Wahid, H., Kader, R. A., & Ahmad, S. (2012). Penerimaan Amil dan Asnaf Terhadap penyempatan pengagian zakat di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 46 (1), 39-51.
- W. H. O. (2022, December 16). *Launch of the WHO Global report on health equity for persons with disabilities*. Retrieved March 17, 2023, from <https://www.who.int/home/search?indexCatalogue=genericsearchindex1&searchQuery=report%20on%20health&wordsMode=AllWords>
- Yediyildiz, B. (1996, April). Place of the waqf in Turkish cultural system. In Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Habitat II, Istanbul (Vol. 12).